

Kelat, Dara, Amoi berhak bebas bukan jadi banduan diplomatik

● Isu penghantaran gajah Malaysia ke luar negara atas nama diplomasi atau persahabatan membabitkan pertembungan antara kepentingan politik antarabangsa dengan hak asasi hidupan liar

● Bayangkan kesunyian dirasai gajah ini apabila terjaga di tengah malam dalam kandang konkrit sejuk, jauh daripada bunyi desiran angin di dahan pokok meranti atau bau tanah basah selepas hujan di Kuala Gandah



Oleh Prof Madya Dr Haliza Abdul Rahman
bhrencana@bh.com.my

Profesor Madya
Jabatan Kesihatan
Persekitaran dan
Pekerjaan, Fakulti
Perubatan dan
Sains Kesihatan,
Institut Pengajian
Sains Sosial,
Universiti Putra
Malaysia (UPM)

Di sebalik rimbun hijau hutan hujan tropika Malaysia, tersimpan satu naratif sering kali tenggelam dalam protokol rasmi dan jabat tangan diplomatik. Ia adalah kisah Kelat, Dara dan Amoi yang bukan sekadar nama tetapi entiti bernyawa membawa beban sebagai 'duta' negara ke tanah asing.

Penghantaran hidupan liar terutama gajah sebagai hadiah diplomatik atau simbol persahabatan antarabangsa sudah lama menjadi alat kuasa lunak yang ampuh, antaranya tanda hubungan dua hala erat.

Namun, apabila tirai diplomasi disingkap, muncul persoalan moral mendalam, iaitu adakah wajar nyawa dan kebebasan makhluk Tuhan ini dikorbankan demi kepentingan geopolitik dan ekonomi?

Isu penghantaran gajah Malaysia ke luar negara atas nama diplomasi atau persahabatan membabitkan pertembungan antara kepentingan politik antarabangsa dengan hak asasi hidupan liar.

Apabila kita melihat gajah seperti Kelat, Dara dan Amoi, kita sebenarnya sedang membincangkan pemindahan paksa makhluk yang mempunyai kecerdasan emosi luar biasa ke persekitaran asing.

Pengasingan paksa kejam

Haiwan memiliki kecerdasan emosi berkabung atas kematian ahli keluarga dan mempunyai memori sangat panjang. Memisahkan mereka daripada kawanannya demi perjanjian B2B atau G2G adalah satu bentuk pengasingan paksa yang kejam.

Isu ini kembali menjadi sorotan nasional pada awal tahun ini apabila nasib tiga gajah Malaysia, iaitu Dara, Amoi dan Kelat yang dihantar ke Zoo Tennoji, Osaka, mencetuskan polemik hangat di media sosial.

Penghantaran dilakukan pada Mac lalu kononnya atas dasar kerjasama konservasi dan pembiakan antara Zoo Taiping dengan Zoo Tennoji mula dipersoalkan apabila tular video menunjukkan haiwan berkenaan mengalami tekanan persekitaran ketara.

Apabila pihak zoo di Osaka melaporkan ketiga-tiga gajah itu tidur berhimpit dan berbaring bersama pada malam pertama mereka di Jepun, ramai rakyat Malaysia tersentuh hati. Tingkah laku itu dianggap reaksi semula jadi haiwan yang cuba mencari rasa selamat dalam persekitaran asing.

Apatah lagi menurut laporan, gajah berkenaan ditempatkan dalam kawasan tandus dan terpaksa menyesuaikan diri dengan iklim jauh berbeza daripada habitat asal di Semenanjung.

Osaka mengalami musim sejuk jauh lebih dingin daripada Malaysia dengan suhu boleh turun bawah 10 darjah Celsius pada musim tertentu. Walaupun pihak zoo menyediakan sistem pemanas dan kandang khas, ramai masih bimbang penyesuaian fisiologi gajah yang berasal dari iklim tropika lembap.

Kajian veterinar menunjukkan perubahan cuaca ekstrem boleh mempengaruhi tahap tekanan,

pola pemakanan dan kesihatan haiwan eksotik. Kebimbangan ini semakin kuat apabila aktivis haiwan antarabangsa pernah mengkritik beberapa zoo di Jepun kerana ruang kandang yang kecil dan kurang elemen semula jadi.

Walaupun pihak Zoo Tennoji menegaskan kandang mereka mematuhi piawaian antarabangsa, persepsi masyarakat tetap sukar diubah kerana imej zoo moden kini semakin dipersoalkan di seluruh dunia.

Di pelbagai negara maju, konsep zoo tradisional kini berubah kepada taman konservasi terbuka yang lebih menekankan habitat semula jadi dan kesejahteraan psikologi haiwan.

Statistik daripada organisasi konservasi global menunjukkan populasi gajah Asia semakin merosot akibat kehilangan habitat dan konflik manusia-haiwan. Kesatuan Antarabangsa untuk Pemuliharaan Alam (IUCN) menganggarkan populasi gajah Asia liar kini kurang 50,000 ekor di seluruh dunia.

Di Malaysia sendiri, habitat gajah semakin mengecil akibat pembukaan ladang dan pembangunan kawasan hutan. Dalam keadaan itu, zoo sering mempertahankan program konservasi dan pembiakan dalam kurungan penting untuk memastikan spesies ini tidak pupus.

Soalnya, sejauh manakah zoo benar-benar mampu memenuhi keperluan semula jadi haiwan yang sangat kompleks seperti gajah? Maka, pengkritik berhujah konservasi tidak seharusnya menjadikan haiwan hidup dalam tekanan psikologi atau ruang terhad semata-mata demi tontonan manusia.

Hubungan sosial antara gajah sebenarnya sangat kompleks dan mendalam. Amoi yang baru berusia sembilan tahun dilihat paling rapat dengan Dara, manakala Kelat pula sering menjadi pelindung dalam kumpulan kecil itu.

Menyentuh soal perasaan, bayangkan kesunyian dirasai gajah ini apabila terjaga di tengah malam dalam kandang konkrit sejuk, jauh daripada bunyi desiran angin di dahan pokok meranti atau bau tanah basah selepas hujan di Kuala Gandah.

Hak asasi Kelat, Dara, dan Amoi untuk hidup bebas di tanah air mereka sendiri tidak boleh ditukar ganti dengan sebarang nilai material. Persahabatan sejati antara negara haruslah dibina atas dasar kemanusiaan dan kelestarian habitat, bukannya dengan menjadikan hidupan liar sebagai 'banduan' diplomatik.

Sudah tiba masanya Malaysia menerajui paradigma baharu dalam diplomasi alam sekitar yang tidak lagi membabitkan

perdagangan atau pemindahan haiwan hidup.

Dinding simen bukan pengganti keluasan hutan rimba

Sebagai haiwan dilindungi di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010, gajah mempunyai hak untuk hidup di habitat selamat. Apatah lagi statistik daripada organisasi kebajikan haiwan antarabangsa mendedahkan gajah di dalam kurungan zoo mempunyai jangka hayat purata 17 hingga 19 tahun sahaja berbanding gajah liar yang mampu mencapai usia 50 hingga 70 tahun. Perbezaan drastik ini adalah bukti nyata dinding simen dan pagar besi bukanlah pengganti kepada keluasan hutan rimba.

Kisah tiga gajah ini menjadi cerminan hubungan manusia dengan alam sekitar. Kita perlu sedar bahawa melihat Amoi atau Kelat di zoo luar negara bukanlah satu kebanggaan nasional sebaliknya ia peringatan mengenai kegagalan kita melindungi hak mereka untuk merdeka di tanah air sendiri.

Di media sosial, ramai berkongsi video Amoi dan Dara kelihatan termenung atau berdiri lama tanpa bergerak, lalu mengaitkannya dengan tekanan emosi. Justeru, kesungguhan dan gesaan agar gajah di Jepun itu dibawa pulang adalah satu langkah murni yang perlu disokong.

Ia bukan sekadar soal membawa pulang haiwan, tetapi soal menebus maruah kita sebagai pelindung khazanah alam diamanahkan kepada kita.

Hakikatnya, statistik penganiayaan dan kemerosotan kesihatan haiwan dalam kurungan di luar negara harus menjadi pengajaran pahit. Amoi, Kelat dan Dara mungkin kini berada ribuan kilometer dari Malaysia, tetapi nama mereka terus hidup dalam hati rakyat.

Setiap perkembangan mengenai mereka menjadi perhatian, setiap gambar diperhatikan dengan penuh emosi dan setiap berita tentang kesihatan dibaca dengan harapan bahawa ketiga-tiga sahabat itu benar-benar bahagia di bumi asing.

Marilah kita membuktikan persahabatan kita dengan dunia melalui keberanian kita melindungi hutan, memperkasakan penguatkuasaan Akta Kebajikan Haiwan dan memastikan tiada lagi 'anak' watan rimba kita yang terpaksa menitikkan air mata di penjara emas luar negara.

Persahabatan sejati haruslah membawa kesejahteraan kepada semua makhluk, bukan sekadar kepada manusia yang memegang pena perjanjian.

